

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 04.11.2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [ BUKIT BENDERA ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status siasatan SPRM terhadap aduan-aduan mengenai dakwaan penyelewengan kewangan dan penyalahgunaan kuasa dalam Zoo Negara**

**JAWAPAN: YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera ini agak umum kerana tidak menyentuh secara khusus berkaitan jenis penyelewengan kewangan dan penyalahgunaan kuasa di Zoo Negara.

Pihak SPRM ada menerima maklumat berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat berkenaan masih dalam peringkat pengesahan.

Sekian, terima kasih